



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
15 MEI 2019 (RABU)

AKHBAR

MUKA SURAT

Sinar Harian

- | | |
|---|----|
| - Kereta terbiar jadi lokasi pembiakan nyamuk | 35 |
|---|----|



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
15 MEI 2019 (RABU)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Kereta terbiar jadi lokasi pembiakan nyamuk
Muka Surat	35

*34
15/5/19
mys 35.*

Kereta terbiar jadi lokasi pembiakan nyamuk

PANDAN INDAH – Sebanyak 10 buah kereta terbiar di sekitar kawasan Flat Pandan Indah dan Surau Al-Amin, Taman Kenanga, di sini, didakwa berpotensi menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes.

Bekas ADUN Chempaka, Datuk Iskandar Abdul Samad berkata, pihaknya menerima aduan daripada penduduk yang meluahkan kebimbangan mengenai isu kes denggi di kawasan itu.

“Apabila berlaku kes demam denggi, pihak yang bertanggungjawab akan melakukan semburan fogging, namun tindakan itu mungkin sia-sia sahaja kerana kereta terbiar tersebut menjadi sarang pembiakan nyamuk Aedes.

“Saya mendapat ada kereta yang cermin belakangnya telah pecah dan

air akan masuk ketika hujan. Air yang bertakung akan menjadi tempat pembiakan nyamuk,” katanya menerusi Facebook.

Iskandar yang juga Naib Presiden Pas pernah membangkitkan kes ini tetapi beliau tidak nampak sebarang tindakan daripada pihak yang bertanggungjawab.

“Saya berharap Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), polis, Ahli Parlimen Pandan, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail ADUN Pandan Indah Ir Izham Hashim dan Ahli Majlis MPAJ akan memberi perhatian terhadap isu ini,” katanya.

Sementara itu Pegawai Komunikasi Korporat MPAJ, Norhayati Ahmad berkata, MPAJ telah mengeluarkan notis tiga hari sebelum tindakan lanjut dilaksanakan pada minggu ini.

“Tindakan tunda oleh penguatkuasa akan dilaksanakan pada minggu ini,” katanya.

MPAJ telah mengeluarkan notis sebelum tindakan lanjut diambil.

